

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL
[JELEBU]**

TARIKH : 26.5.2016

SOALAN :

Dato' Haji Zainudin bin Ismail [Jelebu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan keadaan dan tahap keterlibatan pelajar dalam penyalahgunaan dadah dan tahap disiplin pelajar, nyatakan jumlah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar yang telah direkodkan bagi suku pertama tahun 2016 serta apakah jenis usaha sama yang dilakukan oleh Kementerian dengan agensi-agensinya yang bertanggungjawab supaya dapat menangani jenayah penyalahgunaan dadah di kalangan pelajar sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menangani keterlibatan murid dalam kancas penyalahgunaan dadah. Sehingga 31 Mac 2016, seramai 530 orang murid dikesan terlibat mencuba dadah. Daripada jumlah tersebut, seramai 491 (487 murid lelaki, 4 murid perempuan) dikesan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan melalui ujian urin kertas jalur, manakala 39 (39 lelaki) orang dikesan melalui tangkapan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM).

KPM sentiasa bekerjasama dengan Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan PDRM untuk menangani ancaman dadah di sekolah. Semua sekolah di negara ini mempunyai Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah yang merancang dan melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah kepada murid-murid di sekolah masing-masing. Murid-murid yang dikesan terlibat mencuba dadah akan diberi sesi kaunseling oleh pihak sekolah dan mereka juga perlu melalui program intervensi yang dikendalikan oleh KPM dan AADK.

RJM82

**SIDANG DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA
[BAKRI]
TARIKH : 26 MEI 2016 [KHAMIS]
SOALAN : 100

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan maklumat terperinci kerja-kerja pembenihan awan yang telah dilakukan mengikut kawasan, tarikh, kos, dan kelemahan dan kelebihannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Operasi Pembenihan Awan (OPA) yang dilaksanakan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia bagi bulan April dan Mei 2016 mengikut kawasan adalah seperti berikut:

- (i) Kawasan Barat Sabah termasuk juga beberapa kawasan tadahan di utara Sarawak telah dilaksanakan pada 7, 12, 14 April, 3 dan 5 Mei 2016 menggunakan pesawat TUDM C130H;
- (ii) Kawasan tadahan dan empangan di negeri-negeri Pulau Pinang, Perlis, Kedah dan Perak pada 12 hingga 23 April 2016

menggunakan pesawat CESSNA 340A dan pada 12, 16 dan 25 April 2016 menggunakan pesawat TUDM C130H; dan

- (iii) Kawasan tadahan dan empangan di negeri-negeri Melaka, Negeri Sembilan dan Johor pada 13 hingga 14, 18, 21 hingga 24 dan 28 April dan 6 Mei 2016 menggunakan pesawat TUDM C130H.

Anggaran kos OPA yang bermula dari 7 April sehingga 6 Mei 2016 bagi penerbangan pesawat TUDM C130H adalah RM970,000. Manakala bagi penggunaan pesawat CESSNA 340A pula, anggaran kos keseluruhan adalah RM480,000.

Tuan Yang di-Pertua,

Kelebihan pelaksanaan OPA ialah ia merupakan satu-satunya kaedah meningkatkan jumlah hujan di kawasan sasaran menggunakan teknologi yang ada dengan kos yang berpatutan. Manakala kelemahan OPA adalah hujan yang terhasil berkemungkinan turun di luar kawasan sasaran kerana arah dan kekuatan angin boleh menyebabkan awan yang dibenihkan itu ditiup dari kawasan sasaran ke kawasan lain. Malahan, kejayaan OPA juga terlalu bergantung kepada keadaan atmosfera yang sesuai seperti kewujudan awan kumulus menara atau awan hujan sebelum sesuatu OPA dapat dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.